

Head Office:
Wisma MCIS, Jalan Barat,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

Postal Office:
P.O. Box 345, Jalan Sultan,
46916 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

T +603 7652 3388
F +603 7957 1562
E customerservice@mcis.my
W www.mcis.my

LAMPIRAN PENERANGAN PRODUK	MCIS Insurance Berhad
Baca Lampiran Penerangan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil SuperTreasure. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.	SuperTreasure
	XXXX

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

- SuperTreasure adalah pelan premium tetap sepanjang hayat tanpa penyertaan yang matang pada umur 100 harijadi berikutnya. Ia menyediakan perlindungan terhadap Kematian, Hilang Upaya Kekal & Menyeluruh dan Penyakit Kritis, dan sehingga 3 kali perlindungan bagi Kematian akibat Kemalangan. Jumlah Asas Diinsuranskan bagi pelan ini akan meningkat pada setiap 5 tahun dan apabila matang, Jumlah Diinsuranskan Berkaukuasa (iaitu Jumlah Asas Diinsuranskan ditambah semua peningkatan) akan dibayar. Pelan ini juga memberikan Manfaat Hidup dan Nilai Serahan. Butiran manfaat adalah seperti yang dinyatakan di bawah.
- Pelan ini dikecualikan dari Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Jumlah Asas Diinsuranskan = RM500,000

Tempoh Polisi = 70 tahun

Tempoh Bayaran Premium = 70 tahun

Polisi ini menyediakan manfaat berikut:

Peningkatan dalam Jumlah Asas Diinsuranskan	Ketika polisi berkaukuasa, Jumlah Asas Diinsuranskan akan meningkat sebanyak 10% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan asal (RM50,000) pada ulang tahun polisi berikut penamatan setiap 5 tahun sehingga akhir tempoh polisi. Jumlah Asas Diinsuranskan ditambah semua peningkatan akan dirujuk kepada Jumlah Diinsuranskan Berkaukuasa.
Manfaat Kematian	100% daripada Jumlah Diinsuranskan Berkaukuasa ditolak tuntutan terdahulu di bawah Manfaat Hilang Upaya Kekal & Menyeluruh dan Penyakit Kritis (jika ada) akan dibayar. Polisi akan ditamatkan setelah bayaran penuh Manfaat Kematian.
Manfaat Hilang Upaya Kekal & Menyeluruh (sebelum umur 70 pada harijadi berikutnya)	100% daripada Jumlah Diinsuranskan Berkaukuasa ditolak tuntutan terdahulu di bawah Manfaat Penyakit Kritis (jika ada) akan dibayar 6 bulan dari tarikh diagnosis. Manfaat Hilang Upaya Kekal & Menyeluruh maksimum yang akan dibayar adalah RM2,000,000 setiap hayat.
Manfaat Penyakit Kritis	(a) Setelah didiagnosis mana-mana 36 penyakit kritis (kecuali untuk Angioplasti Dan Rawatan Invasif Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari), 100% daripada Jumlah Diinsuranskan Berkaukuasa ditolak tuntutan terdahulu di bawah Manfaat Penyakit Kritis (jika ada) akan dibayar. (b) Setelah didiagnosis dengan Angioplasti Dan Rawatan Invasif Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari, 10% daripada Jumlah Diinsuranskan Berkaukuasa (tertakluk kepada maksimum RM25,000) akan dibayar. Peristiwa yang dilindungi ini akan dibayar hanya sekali di bawah polisi ini. Manfaat Penyakit Kritis maksimum yang akan dibayar adalah RM1,000,000 setiap hayat.
Manfaat Kematian akibat Kemalangan (sebelum umur 70 pada harijadi berikutnya)	(a) Sekiranya berlaku kematian disebabkan oleh kemalangan, amaun bersamaan dengan 100% daripada Jumlah Diinsuranskan Berkaukuasa akan dibayar bersama-sama Manfaat Kematian. (b) Sekiranya berlaku kematian disebabkan oleh kemalangan semasa menaiki pengangkutan awam selain daripada teksi, kenderaan diupah dan/atau persendirian, pesawat udara atau kapal laut; ataupun lif elektrik; ataupun akibat daripada kebakaran mana-mana hotel yang dinilai sebagai empat bintang dan ke atas atau di teater atau pawagam, amaun bersamaan dengan 200% daripada Jumlah Diinsuranskan Berkaukuasa akan dibayar bersama-sama Manfaat Kematian. Manfaat Kematian akibat Kemalangan maksimum yang akan dibayar adalah RM1,000,000 setiap hayat.
Manfaat Kematangan	Sekiranya hidup sehingga akhir tempoh polisi, 100% daripada Jumlah Diinsuranskan Berkaukuasa ditolak tuntutan terdahulu di bawah Manfaat Hilang Upaya Kekal & Menyeluruh dan Penyakit Kritis (jika ada) akan dibayar. Polisi akan ditamatkan setelah bayaran penuh Manfaat Kematangan.
Manfaat Hidup - Opsyenal	Ketika polisi berkaukuasa, anda akan menerima bayaran tahunan bersamaan dengan 5% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan asal (RM25,000), bermula dari akhir tahun polisi ke-10 sehingga akhir tempoh polisi.
Nilai Serahan	Nilai Serahan Tunai akan dibayar setelah serahan dibuat. Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk maklumat terperinci.

Senarai tiga puluh enam (36) penyakit kritis yang dilindungi:

1. Penyakit Alzheimer/Dementia Teruk
2. Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari
3. Meningitis Bakteria - Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal Untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Seharian
4. Tumor Otak Benigna - Keterukan Tertentu
5. Buta - Kekal Dan Tidak Boleh Pulih
6. Pembedahan Otak
7. Kanser - Keterukan Tertentu Dan Tidak Melindungi Kanser Tahap Awal
8. Kardiomiopati - Keterukan Tertentu
9. Anemia Aplastik Kronik - Mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang
10. Koma - Mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan
11. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
12. Pekak - Kekal Dan Tidak Boleh Pulih
13. Ensefalitis - Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal Untuk Melakukan Melakukan Aktiviti Kehidupan Seharian
14. Kegagalan Hati Tahap Akhir
15. Penyakit Paru-paru Tahap Akhir
16. AIDS Dengan Gejala Penuh
17. Hepatitis Viral Fulminan
18. Serangan Jantung - Keterukan Tertentu
19. Pembedahan Injap Jantung
20. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
21. Kegagalan Buah Pinggang - Memerlukan Dialisis Atau Pemindahan Buah Pinggang
22. Hilang Keupayaan Bertutur
23. Trauma Kepala Major (Teruk) - Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal Untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Seharian
24. Pemindahan Organ Utama/Sumsum Tulang
25. Penyakit Neuron Motor - Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan
26. Sklerosis Multipel
27. Distrofi Otot
28. Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) Dijangkiti Melalui Pekerjaan
29. Kelumpuhan Anggota
30. Penyakit Parkinson - Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal Untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Seharian
31. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - Keterukan Tertentu
32. Penyakit Arteri Koronari Serius
33. Strok/ Angin Ahmar - Mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal Dengan Simptom Klinikal Berterusan
34. Pembedahan Aorta
35. Penyakit Terminal
36. Kelecuran Tahap Ketiga - Keterukan Tertentu

Nota:

- Bagi kanak-kanak di bawah umur 4 tahun, lian juvenil akan terpakai untuk Manfaat Kematian dan Manfaat Kematian Akibat Kemalangan di mana perkadaran daripada Jumlah Diinsuranskan Berkuatkuasa akan dibayar.
- Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat tetap manfaat

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Life atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapa banyakkah premium yang perlu saya bayar?

- Premium asas yang anda perlu bayar berbeza bergantung kepada perlindungan/manfaat yang dipilih, umur penyertaan, jantina, tempoh bayaran premium dan lain-lain. Sila rujuk Ilustrasi Jualan bagi butiran tepat.
 - Anggaran premium asas yang anda perlu bayar: RM30,225.00 setahun
 - Tempoh premium: 70 tahun
- Kadar premium adalah bagi risiko yang standard. Terma dan kadar polisi berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan.
- Kadar premium adalah dijamin sepanjang tempoh polisi.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jumlah komisen yang perlu dibayar ialah 171.00% daripada satu tahun premium.

5. Apakah terma dan syarat penting yang harus saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda hendaklah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan, pekerjaan dan nyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertengang - anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan polisi dalam tempoh 15 hari selepas anda menerima polisi tersebut. Premium yang anda telah bayar (ditolak sebarang yuran perubatan yang ditanggung) akan dipulangkan kepada anda.
- Tempoh tangguh adalah 30 hari bagi kekerapan bayaran secara bulanan dan 45 hari bagi kekerapan bayaran secara tahunan, setengah tahunan dan suku tahunan.
- Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang perlu dibayar di bawah pelan ini adalah jumlah yang anda mampu bayar.
- Caj serahan akan dikenakan ke atas nilai serahan tunai dijamin polisi sepanjang tempoh polisi. Amaun caj serahan adalah seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah.

Bilangan Tahun Polisi Premium Dibayar	Caj Serahan (% daripada Nilai Serahan Tunai Dijamin)
Kurang daripada 3 tahun	100%
3 tahun dan ke atas	20%

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi bagi terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- (a) Manfaat Kematian tidak akan dibayar sekiranya kematian Hayat Yang Diinsuranskan disebabkan pertarungan, kecederaan yang dilakukan sendiri atau bunuh diri, sama ada semasa waras atau tidak waras dalam tempoh tiga belas (13) bulan dari Tarikh Dikeluarkan atau tarikh penguatkuasaan semula polisi, yang mana lebih terkemudian.
- (b) Manfaat Hilang Upaya Kekal & Menyeluruh tidak akan dibayar jika mana-mana ketidakupayaan disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian oleh: percubaan membinaaskan diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras; berkhidmat dalam ketenteraan darat atau laut dalam masa perang yang diisyiharkan atau tidak diisyiharkan atau sama ada di bawah arahan untuk operasi ketenteraan atau pemulihan ketenteraman awam;
- (c) Manfaat Kematian akibat Kemalangan tidak akan melindungi kematian akibat kemalangan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, oleh:
- serangan atau pembunuhan; atau
 - rusuhan atau kekecohan awam, mogok atau aktiviti pengganas; atau
 - membinaaskan diri sama ada semasa waras atau tidak waras; atau
 - berkhidmat dalam ketenteraan darat atau laut dalam masa perang yang diisyiharkan atau tidak diisyiharkan atau sama ada di bawah arahan untuk operasi ketenteraan atau pemulihan ketenteraman awam.
- (d) Manfaat Penyakit Kritis tidak akan dibayar jika penyakit kritis berlaku secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, oleh mana-mana satu (1) kejadian berikut:
- Penyakit Sedia Ada.
 - Tanda atau symptom penyakit kritis jelas sebelum atau:
 - dalam tempoh enam puluh (60) hari bagi Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain bagi Penyakit Arteri Koronari, Kanser - Keterukan Tertentu Dan Tidak Melindungi Kanser Tahap Awal, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Serangan Jantung - Keterukan Tertentu dan Penyakit Arteri Koronari Serius; atau
 - dalam tempoh tiga puluh hari (30) untuk semua penyakit kritis lain yang dilindungi; dari Tarikh Dikeluarkan atau tarikh penguatkuasaan semula polisi, yang mana lebih terkemudian.
 - Kecederaan yang dilakukan sendiri atau percubaan bunuh diri.

Note: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi bagi senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada Syarikat. Membeli polisi hayat adalah komitmen kewangan jangka masa panjang. Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, polisi anda mungkin luput melainkan jika polisi anda mempunyai nilai tunai. Jumlah tunai yang akan dibayar oleh syarikat insurans kepada anda apabila anda membatalkan polisi sebelum tempoh matang adalah kurang daripada jumlah premium yang anda telah bayar. Kemungkinan tiada amua tunai yang akan dibayar selepas pembatalan bergantung kepada pelan yang anda pilih.

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memberitahu kami jika terdapat apa-apa perubahan dalam maklumat perhubungan anda (termasuk penama dan/atau pemegang amanah) untuk memastikan segala surat-menyerat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah anda dalam masa yang tepat.

9. Di manakah maklumat lanjut boleh diperolehi?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans hayat, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* berkaitan 'Insurans Hayat'. Anda boleh mendapatkan satu salinan daripada ejen insurans atau lawat: www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

MCIS Insurance Berhad No. Pendaftaran: 199701019821 (435318-U)

Ibu Pejabat : Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Alamat Pos : Peti Surat 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-7652 3388
Faks : 03-7957 1562
Emel : customerservice@mcis.my
Laman Web : www.mcis.my

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Apakah lagi jenis perlindungan serupa yang disediakan?

Sila rujuk kepada ejen kami untuk perlindungan serupa yang disediakan.

NOTA PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH KOMITMENT KEWANGAN JANGKA MASA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS POLISI YANG SESUAI DENGAN SITUASI PERIBADI ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam lampiran penerangan ini adalah sah pada XXXX.